

**Seminar Sejarah Brunei III Sempena Sambutan Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam ke-22 Tahun 2006**

**Asiyah az-Zahra binti Ahmad Kumpoh
Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Brunei Darussalam**

**Pembentukan Dasar British terhadap Brunei
selepas Perang Dunia Kedua:
Pengaruh dari Perang Dingin atau Faktor Minyak?**

Pengenalan

Sebelum teretusnya Perang Dunia Kedua, Britain merupakan salah sebuah kuasa imperial yang berpengaruh di mana ia mula melebarkan sayap empayarnya ke seluruh dunia sejak di awal abad ke limabelas lagi. Boleh dikatakan penaklukan negeri-negeri yang kemudiannya menjadi tanah jajahan British lakukan tanpa menghadapi sebarang masalah besar. Penaklukan termasuk kawasan pantai timur Amerika Utara, beberapa penempatan marjinal di benua Afrika seperti Gambia dan Gold Coast, dan India. Hasil dari kegiatan penaklukan inilah, di akhir Perang Dunia Pertama, wilayah taklukan empayar British merupakan yang terbesar di mana lebih dua puluh peratus daripada penduduk dan kawasan di seluruh dunia adalah di bawah pengaruh empayar British¹. Tidak dinafikan, kekuatan pengaruh politik British di peringkat global pada period ini adalah berpunca daripada kekuatan empayar seberang lautnya.

Walaupun bagaimanapun, dengan teretusnya Perang Dunia Kedua dan seterusnya pengisytiharan bermulanya Perang Dingin oleh Stalin dan Winston Churchill pada tahun 1946² telah mengurangi peranan British di peringkat global. Ekoran daripada itu juga, Britain terpaksa menyerahkan peranan dan tanggungjawabnya sebagai sebuah kuasa Barat yang berpengaruh kepada Amerika Syarikat. Ada beberapa faktor yang menyebabkan Britain terpaksa berbuat demikian, yang mana antaranya ialah faktor ekonomi. Impak dari Perang Dunia Kedua telah memaksa Britain mengeluarkan biaya perang yang begitu banyak sehinggakan di akhir perang tersebut, Britain terpaksa menanggung hutang tertunggak sejumlah 3.4 billion pound di pertengahan tahun 1945.³ Faktor lain yang mengheret Britain ke masalah ekonomi ini ialah pemecahan beransur-ansur wilayah kolonial kepunyaan empayar British di seluruh dunia. Selama dua abad, Britain telah berjaya menubuhkan sebuah empayar seberang laut yang besar dan stabil, dan seperti yang dinyatakan sebelumnya, kekuatan empayar inilah yang menjadi asas serta sumber kepada pengaruh British di peringkat global. Akan tetapi, pengaruh dan kekuasaan British tidak dapat dipertahankan setelah empayar British di seberang laut berpecah dan menghadapi keruntuhan. Satu demi satu koloni British mula menuntut dan mencapai kemerdekaan (samaada melalui jalan damai atau perjuangan) dan ini banyak menimbulkan keadaan kacau bilau di seluruh genap pelusuk empayar British, terutama sekali di pertengahan abad ke dua puluh. Sudah setentunya adalah tidak mudah bagi British untuk melupakan konsep berempayar dan begitu juga peranannya sebagai satu kuasa barat yang

¹ *The Hutchinson Dictionary of World History*, (Oxford: Helicon Publishing Ltd, 1994), hlm. 84.

² Perkataan 'pengisytiharan' agak tidak sesuai untuk digunakan kerana dalam konteks Perang Dingin kerana tidak ada pengisytiharan yang jelas dilakukan oleh mana-mana pihak. Sejarawan biasanya menggunakan ucapan 'two camps' yang dibuat oleh Stalin pada bulan Februari 1946 dan ucapan 'iron curtain' yang disampaikan oleh Winston Churchill sebulan kemudian sebagai pengisytiharan rasmi bermulanya Perang Dingin di antara kapitalis dan komunis.

³ R. Tanner, *'A Strong Showing': Britain's Struggle for Power and Influence in Southeast Asia 1942-1950*, (Germany: Stuttgart, 1994), hlm. 14.

berpengaruh yang pernah dimainkan selama dua abad. Keadaan ekonomi yang mendesak membuatnya tidak realistis bagi Britain untuk terus bercita-cita sedemikian.

Jelaslah bahawa zaman selepas Perang Dunia Kedua bukanlah atmosfera yang membanggakan bagi reputasi Britain di peringkat global. Walaubagaimanapun Britain cepat menyedari hal ini dan seterusnya cuba untuk mencari alternatif yang boleh membantu Britain untuk memperbaiki keadaan dan reputasinya sebagai kuasa dunia. Salah satu caranya ialah dengan menggunakan organisasi yang dipanggil sebagai Commonwealth, yang ditubuhkan seawal abad ke tujuh belas. Ahli – ahlinya adalah terdiri daripada negeri-negeri bekas tanah jajahan British dan atas dasar sukarela untuk menjadi ahli organisasi inilah yang menyebabkan Commonwealth dikatakan seperti versi informal empayar British.⁴ Yang menariknya, Commonwealth tidak mempunyai piagam atau perlembagaan dan ianya dibentuk berasaskan kepada tradisi dan sentimen, dan bukan faktor politik atau ekonomi.⁵ Britain nampaknya bernasib baik di mana alternatif ini berjaya mencapai objektifnya, walaupun Britain pada dasarnya ia bukan lagi negara yang paling berkuasa selepas Perang Dunia Kedua, tetapi di mata dunia, ianya tetap dianggap sebagai negara yang mempunyai status kuasa besar dan berpengaruh kuat.⁶

Menyedari akan hal ini, Britain telah menjalin “hubungan istimewa” dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat dan sekutu kapitalisnya ketika itu (selepas zaman Perang Dunia Kedua) berusaha berhempas pulas mengatur strategi untuk melumpuhkan rancangan Soviet Union, China dan kemudian German Timur untuk menyebarkan ideologi komunis yang prinsipnya begitu bertentangan dengan prinsip yang diamalkan oleh ideologi kapitalis. Walaupun Britain dianggap sebagai ‘junior partner’ kepada Amerika Syarikat dalam usahanya memerangi negeri-negeri komunis, Amerika Syarikat memerlukan sumber dan bantuan dari pelbagai segi yang dikaut dari empayar British, yang kebanyakan negara sudah menjadi sebahagian daripada organisasi Commonwealth. British, sebagai sekutu kapitalis, tentunya akan memata-matai sebarang kemungkinan akan adanya ancaman komunis di tanah-tanah jajahan mahupun bekas tanah jajahan British dan akan terus berusaha untuk menghalang sebarang penyerapan ideologi itu di negeri-negeri bekas tanah jajahan mahupun yang masih dikuasai oleh British.

Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai pembentukan dasar kerajaan British terhadap Brunei selepas Perang Dunia Kedua. Persoalannya adakah dasar ini dibentuk memang kerana

⁴ D. Reynolds, *Britannia Overruled: British Policy and World Power in the Twentieth Century*, (London: Longman, 1991), hlm. 186.

⁵ *The Hutchinson Illustrated Encyclopedia of British History*, (Oxford: Helicon Publishing Ltd., 1999), hlm. 86.

⁶ D. Sanders, *Losing An Empire, Finding A Role: British Foreign Policy since 1945*, (London: Macmillan Press Ltd., 1990), hlm. 291.

kesediaan British melindungi Brunei daripada ancaman komunis, ataupun berpunca daripada keinginan British untuk menjaga kepentingan ekonominya di Brunei, yang dilihatnya semakin penting dan bernilai?

Dasar British terhadap tanah jajahannya di Asia Tenggara

Selepas Perang Dunia Kedua, Britain mula melonggarkan cengkaman imperialnya ke atas tanah-tanah jajahannya sebagaimana ia mula berundur dari peranan globalnya. Perunduran British dari peranannya sebagai kuasa global terserlah dengan cepatnya apabila beberapa tanah jajahan British (India sebagai contoh) berjuang untuk menuntut kemerdekaan. Akan tetapi, dalam masa yang sama, walaupun kebanyakan tanah jajahan British menuntut kemerdekaan dan menubuhkan kerajaan sendiri, ada beberapa negara masih tetap berada di bawah perlindungan British. Kecuali Malaya, tanah-tanah jajahan dan negeri Lindungan British di Asia Tenggara adalah termasuk di dalam kategori yang kedua. Amerika Syarikat mengakui bahawa Brunei, Sarawak dan Borneo Utara adalah negeri-negeri Lindungan British dan oleh kerana itu, ia mempunyai dasar untuk tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri-negeri ini.⁷ Ini membolehkan British mengukuhkan kembali kuasa dan pengaruhnya selepas pendudukan Jepun. Malahan sebaik saja tentera Jepun berundur dari kawasan Asia Tenggara, tentera British dalam jangka masa yang singkat, berjaya mendapatkan dan menguasai kembali tanah-tanah jajahan British.⁸ Ini adalah kerana kemungkinan adanya ancaman komunis di kawasan Asia Tenggara sudah dijangkakan oleh British dan secara automatik, kawasan Asia Tenggara mendapat perhatian penuh daripada Commonwealth.⁹ British, demi mempertahankan kestabilan, keyakinan dan keamanan di Asia Tenggara, akan menggunakan sepenuhnya mekanisma militari, ekonomi dan politik untuk menangkis apa jua ancaman dan serangan komunis ke atas Negeri Lindungan dan tanah jajahan British di Asia Tenggara. Inilah dasar British terhadap tanah jajahannya di Asia Tenggara.

Selain daripada itu, British cuma mengisytiharkan kemerdekaan kepada negeri-negeri di bawah jajahannya, apabila ia benar-benar merasa yakin yang mereka boleh mentadbir atau mengurus negeri dengan sendirinya. Akan sebaliknya pula pada tanah-tanah jajahan yang belum boleh mentadbir dan berkerajaan sendiri, British menggalakkan, atau lebih tepat memaksa, untuk mereka bersatu dan menubuhkan kesatuan atau federasi.¹⁰ Dasar ini nampaknya bertepatan dengan strategi 'nation-building', satu strategi yang digunakan oleh British untuk membentuk empayar yang

⁷ Confidential U.S. State Department Special Files: Southeast Asia, 1944-1958, Lot File: 54-D-90: Records of the Philippines and Southeast Asian Division, Box 15: 0062, Secret, 1944.

⁸ D. Reynolds, *Britannia Overruled...*, hlm. 163-164.

⁹ Minit mesyuarat Cabinet Far East (Official) Committee (CAB 134/ 897), 8 January 1952, dalam A.N. Potter dan A.J. Stockwell, *British Imperial Policy and Decolonization 1938-64: Vol. 2, 1951-64*, (London: Macmillan Press, Ltd., 1989), hlm. 134-35.

¹⁰ N. Tarling, *The Fall of Imperial Britain in Southeast Asia*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993), hlm. 84.

bersifat informal.¹¹ Pada masa yang sama, pembentukan federasi ini adalah dengan tujuan untuk keselamatan dan pertahanan negeri-negeri di bawah federasi dari diganggu gugat atau diancam oleh kem komunis. Berpandukan kepada Federasi Afrika Tengah yang ditubuhkan pada tahun 1953, terdiri daripada Rhodesia Utara, Rhodesia Selatan dan Nyasaland, dan hasil yang dapat dilihat dari pembentukan federasi ini, dan ternyata British juga menginginkan negeri-negeri di Borneo mengikut jejak langkah negeri-negeri ini dengan menubuhkan federasinya sendiri. Cadangan federasi ini akan dibincangkan kemudian.

Dasar British terhadap Brunei

Kehadiran British di Brunei bukanlah sekadar bermula selepas Perang Dunia Kedua, sebaliknya, hubungan Brunei dan British bermula dengan penandatanganan Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan yang termeterai di antara keduanya pada tahun 1847. Hubungan ini dikukuhkan lagi dengan Perjanjian Perlindungan yang ditandatangani oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin pada tahun 1888. Di dalam Perjanjian Perlindungan ini, ada disebutkan di mana "*The State of Brunei shall continue to be governed and administered by the said Sultan... as an independent State, under the protection of Great Britain*".¹² Tujuh tahun kemudian, Brunei menandatangani lagi satu perjanjian antara dua pihak yang merealisasikan klausa perlindungan yang British janjikan dalam perjanjian yang terdahulu. Di dalam Perjanjian Tambahan 1905/6, ada menyebutkan bahawa "*Sultan Hashim Jalilul Alam... is desirous of being fully protected by the British Government and wishes for the assistance of that Government in the better administration of the internal affairs of his country...*"¹³ Bermula daripada perjanjian inilah, British memainkan peranan utama dan dominant di dalam pengendalian hal-hal pentadbiran dan juga hal ehwal luar negeri Brunei sehinggalah Brunei mencapai kemerdekaan pada tahun 1984.

Berpandukan pada scenario di atas, agak keterlaluan sekiranya ada yang menghujahkan bahawa kehadiran British di tanah Brunei adalah semata-mata kerana ancaman komunisme di Asia Tenggara. Akan tetapi, apakah yang menyebabkan British seakan-akan melengah-lengahkan dan tidak berusaha untuk memberi kemerdekaan kepada Brunei sebelum tahun 1984? Adakah betul sikap berlengah-lengah ini disebabkan kerisauan British terhadap pengaruh komunisme yang menyerap masuk ke Brunei? Kita akan menganalisa beberapa dasar British di Brunei untuk mengetahui samada kerisauan mereka terhadap pengaruh komunisme ini berasas ataupun tidak.

¹¹ D. Reynolds, *Britannia Overruled...*, hlm. 189.

¹² Perjanjian Perlindungan 1888.

¹³ Perjanjian Perlindungan Tambahan 1905/6.

Cadangan Federasi Borneo

Seperti yang dinyatakan sebelumnya, salah satu dasar British selepas Perang Dunia Kedua terhadap negeri-negeri Lindungan dan jajahannya, khususnya negara-negara kecil yang setentunya terdedah pada bahaya serangan, dengan menganjurkan negeri-negeri ini untuk bersatu dan menubuhkan kesatuan atau federasi. Pemikiran ini dicadangkan oleh Pejabat Tanah Jajahan agar ketiga-tiga negeri Borneo iaitu Brunei, Sarawak dan Sabah menubuhkan federasi mereka sendiri.¹⁴ Cadangan itu dibuat adalah cukup jelas dan mempunyai rasionalnya tersendiri. British beranggapan ketiga-tiga negeri ini belum begitu kukuh dari aspek politik dan ekonomi dan sememangnya agak mudah bagi mereka untuk menjadi mangsa dan tunduk di bawah pengaruh komunis di Asia Tenggara. British ketika ini sebenarnya mempunyai perancangan dan agenda tersendiri di mana ia merancang untuk membentuk apa yang dipanggil sebagai 'British Southeast Asian Dominion' yang bertujuan untuk menghalang negeri-negeri Borneo daripada gugur ke tangan Indonesia yang mula menunjukkan keinginan untuk mendapatkan negeri-negeri ini.¹⁵ Sekali imbas, kerisauan yang Britain alami terhadap pengaruh komunisme dan Indonesia tidak begitu nyata dan membimbangkan. Harus diingat bahawa, ancaman komunisme bukan sekadar datang dari Soviet atau China akan tetapi, melihat dari kedudukan Indonesia yang tidak jauh dengan Borneo, sudah tentu ancaman terbesar komunis kepada Brunei setentunya datang dari Indonesia. Ini adalah kerana, selain Vietnam, Indonesia mula mengalih hala tuju politiknya kepada fahaman sosialis.¹⁶ Walaupun Presiden Sukarno menafikan hal tersebut, akan tetapi prinsip Demokrasi Terpimpin yang dipromosikan oleh Sukarno (yang jelas mengandungi retorik anti-kolonial) lebih cenderung kepada sosialis radikal pada tahun 1963 dan 1965.¹⁷ Tertubuhnya Partai Komunis Indonesia (PKI) dan mendapat sokongan dari segenap rakyat dan dalam masa yang sama memanfaatkan peluang yang timbul daripada konflik politik di antara China dan Soviet, Sukarno menjadi lebih militan dan mula menyebelahi China.¹⁸ Lebih penting lagi, Sukarno pernah mengimpikan untuk menubuhkan apa yang beliau panggil sebagai "Melayu Raya" yang terdiri daripada seluruh Kepulauan Indonesia dan negeri-negeri Melayu (walaupun Sukarno tidak pernah memberikan perhatian khusus untuk merealisasikan impiannya ini). Atas sebab-sebab inilah, timbulnya kerisauan di pihak British akan

¹⁴ CO 1022/86, Future Policy in Malaya: Extract from a Colonial Office Minute by J.J. Paskin for Sir Thomas Lloyd, 10 Disember 1952, dalam A.N. Porter dan A.J. Stockwell, *British Imperial Policy...*, hlm. 188.

¹⁵ B.A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin and Britain: The Making of Brunei Darussalam*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1995), hlm. 224.

¹⁶ Di awal abad ke 19, sosialisme dan komunisme mempunyai makna yang sama. Akan tetapi, Marx dan Engels, melalui Manifesto Komunis 1848, telah mentakrifkan sosialisme sebagai mempunyai prinsip perjuangan kelas yang berlainan daripada prinsip perjuangan kelas yang dipraktikkan oleh komunis. Manifesto Komunis 1848 percaya bahawa "capitalism had become a barrier to progress and needed to be replaced by a dictatorship of the proletariat (working class) which would build a socialist society", Lihat *The Hutchinson Encyclopedia*, Edisi ke 10, (Oxford: Helicon Publishing, 1992), hlm. 256-257.

¹⁷ C.J. Christie, *Southeast Asia in The Twentieth Century: A Reader*, (London: I.B. Tauris Publishers, 1998), hlm. 239.

¹⁸ M. Yahuda, *The International Politics of the Asia-Pacific, 1945-1995*, (London: Routledge, 1997), hlm. 61.

kemungkinan negeri-negeri di Borneo jatuh di bawah pengaruh Indonesia dan seterusnya menjadi penganut ideologi komunis.

Persoalan sekarang, seandainya benar British takutkan Brunei dan negeri-negeri Borneo yang lain jatuh ke tangan komunis, mengapakah cadangan federasi Borneo itu cuma tinggal cadangan sahaja? Sebenarnya kurangnya minat di pihak Brunei untuk menyertai federasi yang dicanang-canangkan oleh British itu menjadi punca utama kenapa cadangan itu tidak menjadi kenyataan. Tambahan pula, tujuan lain British mengutarakan cadangan federasi itu adalah untuk mengurangkan beban perbelanjaan dan ekonomi untuk mentadbir ketiga-tiga negeri ini. Dalam erti kata yang lain, Brunei terpaksa berkongsi kekayaan dari hasil galiannya dengan Sarawak dan Sabah, dan ini setentunya menimbulkan rasa kurang senang dan akan merugikan pihak Brunei sendiri. Oleh sebab itu, daripada perbincangan untuk merealisasikan cadangan British itu dan menubuhkan federasi dengan Sarawak dan Sabah, Brunei membantah dan menginginkan pemerintahan sendiri seperti yang diisytiharkannya pada tahun 1959. Tambahan pula, Sultan Omar Ali Saifuddin III tidak mahu status Brunei sebagai Kesultanan Melayu yang berdaulat tergugat disebabkan kemasukan Brunei ke federasi Borneo.¹⁹

Di pihak British pula, sungguhpun cadangan itu adalah ide British, tetapi yang menariknya, British cuma memerhatikan segala tindak-tanduk yang dibuat oleh Brunei dan pada dasarnya cuma separuh hati menggalakkan Sultan Omar Ali Saifuddin III untuk menyertai federasi Borneo itu. Hujah ini boleh diandar kata, bahawa British mempunyai tanggapan, seandainya ada kemungkinan ancaman dari Indonesia, negeri-negeri di Borneo tidak memerlukan bantuan atau perhatian serta-merta. Begitu juga halnya dengan penyertaan Brunei ke dalam federasi yang mana dapat diandaikan British menganggap, ianya bukanlah satu perkara yang penting. Apa yang penting bagi British ialah untuk memastikan segala kepentingan British, bukan kepentingan Brunei, tidak terjejas dan tergugat berikutan apa jua keputusan yang dibuat oleh Brunei ketika itu. Inilah yang berlaku dengan adanya cadangan federasi. British seakan-akan tidak hirau terhadap apapun keputusan kerana yang penting, semua kepentingan British (terutama ekonomi) dapat dilindungi dari elemen-elemen yang tidak diingini.

Perlindungan ke atas sumber negeri

Sumber utama negeri Brunei sejak awal abad ke dua puluh ialah pengeluaran minyak dan gas. Kesan daripada sumber ekonomi ini terhadap pembangunan negeri memang tidak dapat disangkal dan B.A. Hamzah membuat kesimpulan bahawa sejarah politik Brunei di dalam abad

¹⁹ B.A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin...*, hlm. 226.

ke dua puluh adalah berkait rapat dengan imperialisme minyak (oil imperialism).²⁰ Manakala bagi British pula, tujuan utama British dalam memberi perlindungan kepada sumber negeri Brunei selepas Perang Dunia Kedua adalah kerana dua sebab: untuk menjaga kepentingan British sendiri dan untuk melindungi sumber ekonomi Brunei dari ancaman komunisme.

Walaupun syarikat minyak Shell kepunyaan Netherlands, dan bukan Amerika Syarikat atau British yang memainkan peranan penting dalam pengusahaan industri minyak di Brunei, akan tetapi kerisauan terhadap ancaman komunis masih lagi wujud. Apatah lagi, Netherlands adalah juga merupakan penyokong ideologi kapitalis. Dalam tahun 1948, Britain, Perancis dan negeri-negeri Benelux yang terdiri daripada Belgium, Netherlands dan Luxembourg, telah menandatangani Perjanjian Brussels, pakatan untuk menggabungkan kesemua negeri tersebut dari aspek ekonomi, politik, kebudayaan dan ketenteraan. Belanda begitu berkeinginan untuk melihat perjanjian yang sama dilanjutkan ke Asia Tenggara.²¹ Walaubagaimanapun, Pejabat Luar Negeri British tidak membenarkan Belanda berbuat demikian, terutama sekali semasa Perang Dingin, kerana ini boleh dilihat sebagai pakatan geng kolonialis di Asia Tenggara.²²

Di awal penemuan minyak, operasi pengeluaran industri minyak tidaklah selicin sepertimana yang ada pada masa sekarang. Oleh kerana kekurangan pekerja, Brunei terpaksa mengambil pekerja-pekerja asing termasuk bangsa Cina. Tindakan Brunei ini telah membangkitkan kerisauan British. Dalam tahun 1950an, kesemua pekerja yang berbangsa Cina terpaksa melalui pemeriksaan yang dilakukan oleh *Special Branch* untuk memastikan mereka bebas dari pengaruh subversif komunisme. Ini adalah disebabkan kerana sebahagian daripada mereka merupakan ahli Persatuan Kejuruteraan China yang banyak dipengaruhi oleh Koumintang.²³ Yang lebih merisaukan British lagi ialah apabila tahun 1962, kira-kira 1,500 pekerja Syarikat Minyak Shell membuat cadangan untuk menubuhkan persatuan pekerja. Walaupun cadangan itu tidak pernah direalisasikan, akan tetapi dari tindak-tanduk British, ternyata kebimbangan terhadap ancaman komunisme ke atas pekerja-pekerja asing dan juga industri minyak Brunei bukanlah satu andaian semata. Apatah lagi, sekiranya tertubuhnya persatuan pekerja seperti yang dicadangkan oleh pekerja-pekerja Syarikat Minyak Shell tersebut, adalah tidak mustahil bagi mereka untuk mencabar dan membantah majikan terutamanya sekali dalam hal pengurusan hak-hak pekerja.²⁴ Malahan pula, para pekerja mungkin akan terdedah dengan ide revolusi dan perjuangan, yang akan memberi ruang untuk penyerapan ideologi komunisme di kalangan mereka. Sekiranya perkara ini dibiarkan begitu sahaja, adalah tidak

²⁰ B.A. Hamzah, *The Oil Sultanate: Political History of Oil in Brunei Darussalam*, (Kuala Lumpur: Mawaddah Enterprise Sdh. Bhd., 1991), hlm. 11.

²¹ R. Tanner, 'A Strong Showing'..., hlm. 154.

²² *ibid.*,

²³ A.V.M. Horton, *The British Residency in Brunei, 1906-1959*, Occasional Paper No.6, Centre of Southeast Asian Studies, University of Hull, 1984, hlm. 34.

²⁴ "Oil Workers Organise", *Borneo Bulletin*, 5 May 1962.

mustahil ianya akan menyebabkan perubahan radikal terhadap status quo, sesuatu yang sememangnya cuba dihindari oleh pegawai-pegawai British dari awal lagi.

Tetapi apakah betul British ingin melindungi sepenuhnya sumber negeri Brunei dari komunisme? Atau ini cuma satu alasan yang digunakannya untuk memastikan kehadirannya di Brunei dapat dilanjutkan? Memang tidak dapat dinafikan British memang mempunyai niat murni untuk melindungi Brunei, sepertimana yang Brunei usulkan dari British. Akan tetapi, pada masa yang sama, British mempunyai agenda ekonominya yang tersendiri. Apatah lagi, apa jua dasar luar negeri British dan Amerika pada waktu Perang Dingin selalu digempar-gemburkan sebagai tindakbalas kepada ancaman Soviet. Walhal dasar-dasar tersebut bertujuan untuk menjaga kepentingan perdagangan dan ekonomi kedua-dua kuasa barat ini.²⁵

Memandangkan minyak merupakan sumber tidak berganti (non-renewable), dan untuk menghindari daripada komplikasi ekonomi yang serius di masa hadapan, British telah membentuk satu dasar yang jelas untuk memulihara dan melindungi sumber minyak Brunei. Dalam menangani hal ini, British Crown Agents telah diamanahkan untuk mengendalikan perlaburan Brunei. Pada tahun 1952, Brunei telah dapat mengumpul aset dalam pelbagai bentuk perlaburan yang mana jumlah terkumpul semuanya bernilai \$144.5 billion.²⁶ Apatah lagi, menurut sebuah laporan tahunan Brunei, Sterling Trustee Stocks merupakan dan akan terus menjadi tempat tumpuan perlaburan Brunei di luar negeri yang terbesar.²⁷ Walau bagaimanapun, oleh kerana kekurangan sumber, ianya tidak dapat dipastikan berapa banyak keuntungan yang telah dikaut oleh British daripada perlaburan tersebut di atas ataupun daripada mana-mana keuntungan ekonomi yang British perolehi dari padang minyak Brunei. Adalah satu hal yang tidak dapat dinafikan, pentingnya Brunei di mata British banyak ditentukan oleh wujudnya industri minyak. Perkara yang sama juga dialami oleh Timur Tengah, di mana kepentingan kawasan ini besar kemungkinan dua kali ganda di mata British dan Amerika Syarikat, yang mempunyai dasar yang selari terhadap Timur Tengah agar sumber strategik ini tidak jatuh ke tangan komunis.²⁸ Begitulah juga halnya dengan Brunei di mana menurut B.A. Hussainmiya bahawa Brunei terikat dengan perjanjian dengan Britain dan bumi Brunei telah menjadi mata pencarian yang penting bagi Britain.²⁹ Besar kemungkinan disebabkan kepentingan ekonomi inilah Brunei begitu lewat dianugerahkan kemerdekaan oleh Britain agak lewat berbanding dengan negeri-negeri serantau, walaupun British sebenarnya mempunyai peluang untuk berbuat demikian pada tahun 1959, 1962, 1971 atau 1979. Sebaliknya, setiap peluang yang British ada

²⁵ M. Curtis, *The Ambiguities of Power: British Foreign Policy since 1945*, (London: Zed Books Ltd., 1995), hlm. 30.

²⁶ B.A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin III...*, hlm. 62.

²⁷ A.J. Crosbie, "Brunei in Transition", dalam *Southeast Asian Affairs*, 1981, hlm. 81.

²⁸ D. Sanders, *Losing an Empire...*, hlm. 66.

²⁹ B.A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin III...*, hlm. 125.

dimanipulasi untuk membincangkan dan memperbaharui perjanjian yang sedia ada di antara kedua belah pihak.³⁰

Nasionalisme Melayu

Sekali imbas, kebangkitan semangat nasionalisme di Brunei seolah-olah selari, kalau tidak pun, terpengaruh dengan sentimen nasionalisme yang melanda rantau Asia Tenggara selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Walaubagaimanapun, apabila tercetusnya keadaan sedemikian di Brunei secara mendadak, ianya telah menimbulkan kerisauan di pihak pegawai-pegawai British kerana kebangkitan semangat politik sebegini boleh menjadi radikal. Ini adalah kerana sentimen nasionalis yang sedang membakar jiwa orang-orang Melayu ketika itu banyak dipengaruhi oleh nasionalis Melayu yang berhaluan sosialis. Ianya mungkin agak keterlaluan untuk mengatakan bahawa kebangkitan semangat nasionalisme di Brunei adalah plot Soviet atau China untuk menyebarkan ideologi komunis. Akan tetapi, perlu diingat bahawa Indochina, Indonesia dan orang-orang Cina di Singapura dan Malaya adalah kawasan-kawasan dan etnik yang dikenalpasti oleh kuasa-kuasa komunis di Asia Tenggara.³¹ Apatah lagi, oleh kerana ideologi dan prinsip yang digunapakai oleh sosialisme dan komunisme, seperti perjuangan dan revolusi, adalah begitu menarik terutama sekali di kalangan kelas bawahan.

Parti politik yang pertama di Brunei, Partai Rakyat Brunei (PRB), dalam pengisytiharan manifestonya ada menyebutkan bahawa ianya menentang semua jenis penjajahan dari segi ekonomi, politik dan sosial di samping mempertahankan kedaulatan Raja dan keturunannya.³² British sepatutnya tidak perlu gusar dengan manifesto PRB kerana Brunei bukanlah tanah jajahan British. Akan tetapi, British adalah kuasa penjajah. Malahan kuasa dunia yang pernah British pegang satu ketika dulu adalah berpunca dari pengaruh dan kekuatan yang diperolehinya di seluruh tanah jajahan British. Apatah lagi, British sebagai kapitalis, bimbang akan kecenderungan PRB terhadap falsafah egalitarian yang mana membuatkan ada di antara ahli-ahli parti begitu berminat dengan konsep sosialis. Kecenderungan kepada sosialisme juga ditunjukkan oleh Partai Rakyat Malaya (PRM) yang diterajui oleh Ahmad Boestamam dan *People's Party of Singapore* (PPS) yang dibentuk oleh Harun Mohd Amin. Perkara ini sememangnya menambahkan bahang rasa tidak selesa British terhadap PRB. Apatah lagi setelah Kongres PRB yang pertama pada 30 Mac 1957 di

³⁰ B.A. Hamzah, "Oil and Independence in Brunei: A Perspective", dalam *Southeast Asian Affairs*, 1981, hlm. 95.

³¹ C.J. Christie, *Southeast Asia...*, hlm. 52.

³² Manifesto Partai Rakyat Brunei bertarikh 22 January 1956, dalam Haji Zaini bin Haji Ahmad, ed., *The People's Party of Brunei: Selected Documents*, (Kuala Lumpur: INSAN, 1987), hlm. 96.

mana PRB, seperti yang terkandung di dalam manifesto parti, menyatakan rasa benci terhadap penjajahan dan akan terus taat setia dan menyokong Kerajaan Brunei.³³

British tidak mempunyai dasar jitu dan spesifik untuk menangani sentimen nasionalis yang semakin membara di kalangan orang Melayu di Brunei. Akan tetapi pada tahun 1957, Robert Scott yang merupakan Pesuruhjaya British di Brunei pada waktu itu, yakin bahawa ancaman ke atas Kesultanan Brunei datang dari PRB sendiri yang mana semangat nasionalisme yang dipupuk oleh Parti ini diwarnai oleh elemen sosialis dari dalam mahupun luar negeri.³⁴ Keadaan ini lebih merungsingkan British kerana pada waktu itu, PRB adalah merupakan satu-satunya parti yang bergiat aktif di dalam arena politik Brunei. Hasrat PRB mungkin cuma ingin mengimbangi pengaruh yang British ada di pelbagai arena serta dengan meningkatnya populariti PRB di kalangan penduduk, ini dapat membantu meningkatkan juga moral parti tersebut untuk terus berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Brunei. Suasana yang membimbangkan ini telah menyebabkan terjadinya pergeseran di antara PRB dan pegawai-pegawai British mengakibatkan British lebih suka bersikap tidak bertoleransi terhadap ahli-ahli PRB.

Sikap tidak bertoleransi British terhadap PRB bukanlah sekadar hanya kerana kerisauan terhadap kemungkinan adanya ancaman komunis. Akan tetapi oleh kerana perkara lain. British sebenarnya risau, sekiranya PRB berjaya mengejar cita-cita politiknya dan mempunyai kuasa dan pengaruh ke atas pentadbiran negara, sudah setentunya PRB tidak akan memberi ruang kepada British untuk terus melindungi kepentingannya di Brunei.³⁵ Apa yang berlaku, setakat mana kerisauan British terhadap ancaman PRB terhadap kepentingan ekonomi British tidak dapat dipastikan kerana, British dan Sultan sendiri, terkejut dengan tercetusnya pemberontakan yang dikepalai oleh PRB pada 8 Disember 1962.

Kesimpulan

Adalah amat sukar tentang untuk menunjukkan adanya kaitan di antara dasar yang dibentuk British pada zaman selepas Perang Dunia Kedua dengan ancaman komunis di Brunei. Malaya mungkin merupakan satu-satunya tempat di mana British berhadapan dengan ancaman komunis yang sebenar kerana di negeri tersebut, komunis berjaya memanipulasi ketidaksetiaan orang-orang Cina yang menyebabkan British mengeluarkan perintah darurat dari Jun 1948 sehingga 1953.³⁶

³³ Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj. Hakip, *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995), hlm. 124.

³⁴ B.A. Hussainmiya, *Sultan Omar Ali Saifuddin III...*, hlm. 227.

³⁵ B.A. Hamzah, *The Oil Sultanate...*, hlm. 174.

³⁶ D. Reynolds, *Britannia Overruled...*, hlm. 188.

Memandangkan keadaan ini, Sir Winston Churchill, Perdana Menteri British ketika itu, mula risau kerana sekiranya komunis sudah menakluk Malaya, keseluruhan Asia mungkin akan mengalami nasib yang sama.³⁷ Oleh sebab kerisauan inilah, British mula berusaha melindungi kesemua tanah jajahan dan negeri lindungannya dari mana-mana ancaman komunis. Akan tetapi, harus diingat juga, kerisauan sedemikian selalu dinyatakan berulang-ulang di dalam dokumen yang menyebabkan ianya selalu dianggap sebagai fakta sepenuhnya.³⁸

Tetapi ini bukan untuk menidakkan adanya ancaman komunis di Asia Tenggara tetapi ancaman tersebut lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan seperti di Indochina, Indonesia dan Malaya. Sekiranya pun terdapatnya ancaman di Brunei, ianya lebih berupa pemberontakan daripada penaklukan penuh. Walaubagaimanapun, kerisauan terhadap komunisme merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kehadiran British berterusan sehingga akhir tahun 1983, dan cadangan Federasi Borneo dan kebangkitan semangat nasionalisme adalah merupakan ilustrasi yang menggambarkan kerisauan British itu. Akan tetapi, faktor ekonomi mungkin merupakan faktor paling utama kenapa British masih berlegar-legar tanpa ada sebarang keinginan yang kuat untuk melepaskan Brunei sebelum tahun 1984. Mungkin agak keterlaluan untuk mengatakan British cuma ingin menjaga kepentingan ekonominya. Apatah lagi, walaupun sudah lebih dua puluh tahun British meninggalkan Brunei, masih tidak dapat dipastikan berapa banyak keuntungan yang British kaut daripada pendudukan mereka di Brunei. Apakah benar British mengaut keuntungan setelah hampir setengah abad mentadbir Brunei? Satu soalan yang mungkin perlu diberi perhatian yang mendalam dan sewajarnya.

Berbanding dengan ancaman komunis, para akademik dengan mudah membuat spekulasi di antara kehadiran British dan industri minyak di Brunei. B.A. Hamzah menyatakan bahawa,

"[w]ithout oil, Brunei's historical fate would have been different. Similarly, without Great Britain's protection of its interests, the history of Brunei would have taken a different course. Thus, it is quite pertinent to say that since the early part of this century, Brunei's political history had been shaped by Britain and oil..."³⁹

Oleh kerana rapatnya hubungan di antara Britain dan minyak Brunei, pengundurannya dari negeri kecil yang kaya dengan hasil perut bumi ini tidak termasuk di dalam agenda British selepas Perang Dunia Kedua, dan British nampaknya lebih senang memainkan peranannya sebagai pelindung sehingga akhir tahun 1983. Terdapat dua perlindungan yang berbentuk dua hala dalam sejarah pendudukan British di Brunei, iaitu ketika Britain melindungi kepentingan ekonominya, Brunei juga

³⁷ M. Curtis, *The Ambiguities of Power...*, hlm. 59.

³⁸ *ibid.*,

³⁹ B.A. Hamzah, *The Oil Sultanate...*, hlm. 11.

sudah setentunya mendapat keuntungan daripada hubungannya dengan Britain. Perlindungan yang diberikan oleh Britain telah banyak menyelamatkan Brunei daripada menjadi mangsa politik PRB (seperti yang terjadi semasa pemberontakan) dan membantu Brunei terutama dari segi logistik dalam persediaannya menubuhkan kerajaan sendiri dan seterusnya mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

BIBLIOGRAFI

Adam, C. *Sukarno: An Autobiography*. Indianapolis: Bobbs-Merril Company Inc. 1965.

Brands, H. *The Devil We Knew: Americans and the Cold War*. New York: Oxford University Press. 1993.

Confidential U.S. State Department Special Files: Southeast Asia, 1944-1958, Lot File: 54-D-90: Records of the Philippines and Southeast Asian Division, Box 15: 0062, Secret, 1944.

Christie, C.J. *Southeast Asia in The Twentieth Century: A Reader*. London: I.B. Tauris Publishers. 1998.

Crosbie, A.J. "Brunei in Transition", dalam *Southeast Asian Affairs*, 1981, hlm 75-92.

Curtis, M. *The Ambiguities of Power: British Foreign Policy since 1945*. London: Zed Books Ltd. 1995.

Frankel, B. *The Cold War 1945-1991: Resources: Chronology, History, Concepts, Events, Organisations, Bibliography, Archives*. Detroit: A Manly Inc. 1992.

Haji Zaini bin Haji Ahmad. ed. *The People's Party of Brunei: Selected Documents*. Kuala Lumpur: INSAN. 1987.

Hamzah, B.A. *The Oil Sultanate: Political History of Oil in Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Mawaddah Enterprise Sdn. Bhd. 1991.

_____. "Oil and Independence in Brunei: A Perspective", dalam *Southeast Asian Affairs*, 1981, hlm 93-99.

Horton, A.V.M. *The British Residency in Brunei, 1906-1959*. Occasional Paper No.6, Centre of Southeast Asian Studies: University of Hull. 1984.

Hussainmiya, B.A. *Sultan Omar Ali Saifuddin and Britain: The Making of Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1995.

"Oil Workers Organise", *Borneo Bulletin*, 5 May 1962.

Potter, A.N., dan A.J. Stockwell. *British Imperial Policy and Decolonization 1938-64: Vol. 2, 1951-64*. London: Macmillan Press Ltd. 1989.

Reynolds, D. *Britannia Overruled: British Policy and World Power in the Twentieth Century*. London: Longman. 1991.

Tanner, T. *'A Strong Showing': Britain's Struggle for Power and Influence in Southeast Asia 1942-1950*. Germany: Stuttgart. 1994.

Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj. Haki. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. 1995.

Sanders, D. *Losing An Empire, Finding A Role: British Foreign Policy since 1945*. London: Macmillan Press Ltd. 1990.

Sarawak Information Service. *The Danger Within: A History of the Clandestine Organisation In Sarawak*. Kuching: Government Printing Office. 1967.

Tarling, N. *The Fall of Imperial Britain in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1993.

The Hutchinson Dictionary of World History. Oxford: Helicon Publishing Ltd. 1994.

The Hutchinson Encyclopedia. Edisi ke 10. Oxford: Helicon Publishing. 1992.

The Hutchinson Illustrated Encyclopedia of British History. Oxford: Helicon Publishing Ltd. 1999.

Van Der Kroef, J.M. *The Communist Party of Indonesia: Its History, Program and Tactics*. Vancouver: University of British Columbia. 1965.

_____. "Indonesia, Malaysia and the North Borneo Crisis", *Asian Survey*, Vol. III, No. 4, April 1963. hlm. 173-181.

Yahuda, M. *The International Politics of the Asia-Pacific, 1945-1995*. London: Routledge. 1997.